

# PEMBALAKAN HARAM : SAMPAI BILA IA AKAN BERLELUASA?

Ahmad Khairul Ridhwan bin Mohamed Hanif

Penyelidik Kluster Undang-Undang



## Pembalakan Haram : Sampai Bila Ia Akan Berleluasa?

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

**Emel Pengarang** : [ahmadkhairul@tsis.my](mailto:ahmadkhairul@tsis.my)

# **PEMBALAKAN HARAM: SAMPAI BILA IA AKAN BERLELUASA?**

## **PENULIS**

AHMAD KHAIRUL RIDHWAN BIN MOHAMED HANIF

Kluster Undang-Undang

Jabatan Hal Ehwal Parlimen Dan Global

Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)

## PENGENALAN

Hutan di negara kita sejak sekian lama telah menjadi habitat bagi pelbagai jenis flora dan fauna. Hakikatnya, hutan merupakan kawasan alam semula jadi dan khazanah yang tidak ternilai harganya. Hutan memberikan pelbagai kepentingan kepada manusia sejak lahirnya ketamadunan manusia. Antaranya ialah hutan membekalkan sumber bahan mentah kepada manusia untuk pembangunan perindustrian dan perumahan.

Sebagai contoh, hutan telah membekalkan manusia dengan kayu-kayan seperti kayu jati, cengal, meranti dan sebagainya untuk penghasilan bahan-bahan industri khususnya perabot. Ini secara tidak langsung, menyediakan banyak peluang pekerjaan untuk rakyat dalam industri perabot di samping menjana ekonomi negara. Namun, hutan-hutan di negara kita terdedah dengan ancaman pembalakan haram yang sejak berdekad-dekad telah menyebabkan kepentingan hutan telah terguagat secara langsung.

Pembalakan haram adalah salah satu isu kontroversi yang sentiasa melingkari topik alam sekitar di negara kita. Sebagai negara yang mempunyai hutan berkeluasan besar, aktiviti pembalakan haram sentiasa menjadi salah satu tumpuan utama di dada-dada akhbar dan seterusnya mencemarkan nama baik negara kita.

Menurut Global Watch Forest (GWF), Malaysia telah kehilangan sebanyak 8.39 juta hektar daripada keluasan hutan bermula tahun 2001 sehingga 2020, iaitu pengurangan sebanyak 29% berbanding pada tahun 2000. Sarawak telah mencatatkan pengurangan kawasan hutan sebanyak 3.04 juta hektar, diikuti oleh Sabah (1.67 juta hektar) dan Pahang (1.15 juta hektar) bermula pada tahun 2001 sehingga tahun 2020. Statistik ini menunjukkan secara jelas betapa aktifnya aktiviti pembalakan di negara kita dan boleh menyebabkan negara kita ketandusan hutan jika tidak dikawal.

Bagi menganalisis permasalahan pembalakan haram, kertas perspektif ini menzahirkan beberapa aspek dalam jenayah yang tidak terkawal ini dan bagaimanakah kerangka perundangan sedia ada digubal dalam menanganinya pada waktu ini.

## KESAN-KESAN PEMBALAKAN HARAM

Di kala syarikat pembalakan mendapat keuntungan yang besar berikutan permintaan tinggi terhadap jenis kayu-kayan yang berkualiti, masyarakat Orang Asli yang sejak sekian lama hidup bergantung kepada sumber pendapatan dan kawasan tadahan air di hutan pula berasa terancam dengan kegiatan yang tidak terkawal ini (Nur Aqilah Azaldin, 2021).

Selaku golongan minoriti, kehidupan Orang Asli menjadi sukar kerana kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kemampuan dari segi undang-undang untuk menghalang pembalakan ini berlaku di tempat mereka. Malahan, pihak yang

melakukan pembalakan haram mengambil kesempatan terhadap ketidakmampuan golongan minoriti ini dengan menebang pokok secara tidak terkawal.

Setelah pokok-pokok ini ditebang, ia mengambil masa lebih 8 tahun untuk membolehkan sebatang pokok di dalam hutan untuk kembali membesar secara matang dan seterusnya menyebabkan komuniti Orang Asli perlu menunggu lebih lama untuk hutan yang mereka huni itu kembali kepada keadaan asal.



Jenayah ini juga mampu menyumbang kepada tercetusnya bencana alam. Pembalakan yang tidak terkawal akan menjadikan permukaan bumi gondol dan terdedah kepada hakisan.

Bahan yang terhakis akan dibawa dan dimendapkan di dasar sungai dan menyebabkan sungai menjadi cetek. Apabila hujan lebat, sungai tidak mampu menampung air yang banyak lalu ia melimpah ke kawasan sekitar (Wan Adi Yusoff, 2015).

Rajah 1: Pembalakan berleluasa di Semenanjung Malaysia (Sumber: Astro Awani, Mac 2021)

Selain itu, kemusnahan habitat flora dan fauna juga merupakan kesan langsung dari aktiviti ini. Umum mengetahui bahawa hutan merupakan tempat tinggal semula jadi bagi pelbagai jenis tumbuhan dan spesies haiwan liar. Kemusnahan hutan bermaksud musnahnya tempat tinggal hidupan-hidupan yang tinggal di dalamnya. Contohnya, kepupusan sesuatu spesies hidupan. Pada waktu ini, didapati pelbagai spesis hidupan hutan telah mula pupus seperti badak sumbu Sumatera, Harimau Malaya dan seladang seiring dengan berleluasanya pembalakan haram ini (Haliza Abdul Rahman, 2020).

Di samping itu, aktiviti pembalakan haram ini juga turut mengakibatkan peningkatan suhu di negara kita. Aktiviti pembalakan haram akan meningkatkan kandungan gas karbon dioksida dalam udara. Gas ini mampu memerangkap haba di atmosfera daripada dipantulkan semula. Fenomena inilah yang menyebabkan peningkatan suhu persekitaran. Keadaan menjadi bertambah teruk apabila kurangnya tumbuhan yang menyerap gas ini. Selain peningkatan suhu, fenomena ini turut mengakibatkan kesan rumah hijau dan perubahan suhu setempat.

## FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA PEMBALAKAN HARAM

Salah satu faktor yang menyumbang kepada aktiviti pembalakan haram ini adalah permintaan yang tinggi terhadap kayu-kayan di Malaysia kerana negara kita memiliki pelbagai jenis kayu balak yang diiktiraf berkualiti tinggi. Bahkan, industri perkayuan telah mencatatkan angka eksport yang menggalakkan iaitu sebanyak RM22.02 bilion pada tahun lepas sekali gus meletakkan ia di kedudukan ketiga sektor komoditi utama selepas minyak sawit dan getah. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kayu-kayan dari Malaysia memiliki nilai yang tinggi dalam pasaran ekonomi dunia.

Di samping itu, kepesatan industri pelancongan turut menjadi faktor utama pembalakan haram dan kemusnahan hutan. Lazimnya, pembukaan tempat pelancongan baru memerlukan infrastruktur yang banyak untuk didirikan. Contohnya pembinaan prasarana seperti jalan raya yang berfungsi menghubungkan tempat pelancongan dengan kawasan bandar berdekatan.

Sekiranya pembangunan yang dilakukan ini tidak terancang, maka ekosistem di kawasan tersebut akan musnah. Dalam keadaan negara kita pesat membangun sebagai salah satu lokasi tarikan pelancongan di rantau ini, keghairahan sesetengah pengusaha tempat pelancongan dalam menebang pokok di kawasan hutan tanpa kawalan adalah tidak menghairankan demi mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda.



Rajah 2: Kem pembalakan haram di Sarawak  
(Sumber: Astro Awani, 2016)

Selain itu, isu pembalakan haram ini sering dikaitkan dengan amalan rasuah dan penyelewengan kuasa dalam kalangan penjawat awam. Selaku pihak yang diberi mandat untuk menjalankan penguatkuasaan, persoalan telah timbul tentang faktor jenayah pembalakan haram masih berleluasa di negara kita pada waktu ini.

Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), Mohd Azmi Abdul Hamid berkata, operasi pembalakan sangat mudah dikesan kerana ia melibatkan penggunaan jentera besar yang berulang alik dari kawasan hutan dengan begitu jelas tetapi tidak diambil apa-apa tindakan oleh pihak berkuasa.

Menurutnya, aktiviti pembalakan banyak berlaku tetapi tidak dimaklumkan sama ada diluluskan atau tidak kerana ketiadaan pemberitahuan oleh pihak berkuasa kepada awam. Mengulas lanjut, Mohd Azmi berkata, pembalakan haram pada hakikatnya

tidak wujud. "Sebaliknya yang ada ialah pembalakan haram yang dihalalkan apabila pihak berwajib memejamkan mata untuk tidak bertindak ke atas pihak yang beroperasi dengan bebas," katanya.

Contoh beberapa kes pembalakan yang telah diambil tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ialah:-

- 1) Pada tahun 2015, SPRM pernah melakukan tindakan drastik dengan membekukan 375 akaun bernilai melebihi RM560 juta dalam pembongkaran terbaharu terhadap pembalakan haram dan rasuah balak di Sarawak. SPRM turut merampas lebih 500 kayu balak semasa operasi bersama untuk memperketatkan kawalan ke atas aktiviti pembalakan haram.
- 2) Pada tahun 2017, lima termasuk Pegawai Hutan Daerah Jerantut dan isterinya ditahan reman selama enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melibatkan kegiatan pembalakan haram di Jerantut. Tiga lagi yang direman ialah seorang renjer hutan daerah berkenaan dan pemilik serta pengurus sebuah syarikat kontraktor yang dipercayai terlibat dalam kegiatan pembalakan haram tersebut yang mengakibatkan kerajaan negeri Pahang mengalami kerugian jutaan ringgit.
- 3) Pada tahun 2020, dua individu bergelar Datuk direman empat dan lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan projek pembalakan bernilai lebih RM27 juta. Seorang suspek yang juga bekas Timbalan Pengerusi syarikat berusia 65 tahun direman.

Kes-kes yang disebut di atas merupakan contoh betapa aktifnya kegiatan pembalakan haram ini di seluruh negara dan ia juga melibatkan golongan kenamaan. Walau bagaimanapun, kes pembalakan haram yang belum diambil tindakan atau masih dalam siasatan dijangka lebih besar bilangannya pada waktu ini.

## **KERANGKA PERUNDANGAN PADA WAKTU INI**

Pada waktu ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menggunakan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] di Semenanjung Malaysia, Ordinan Hutan 2015 (Bab 71) di Sarawak dan Enakmen Hutan 1968 (Sabah No. 2 of 1968) di Sabah bagi penjenayah yang melakukan pembalakan haram atau kesalahan hutan termasuk pencerobohan di Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Sebagai contoh, Seksyen 15 dalam Akta Perhutanan Negara menyebut berkeenaan kesalahan mengambil hasil hutan dari Hutan Simpanan Kekal atau tanah kerajaan tanpa lesen yang sah. Seksyen ini menyatakan:-

- (1) Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan kecuali —*
- (a) di bawah kuasa suatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan; atau*
  - (b) mengikut mana-mana undang-undang bertulis lain.*

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun.


Bahkan, Seksyen 40 dalam Akta Perhutanan Negara pula menyatakan tentang kesalahan memindahkan hasil hutan tanpa pas memindah daripada tanah bermilik, tol, lombong dan tanah rizab. Seksyen ini menyatakan :-

- (1) Tiada seorang pun boleh memindahkan apa-apa hasil hutan dari mana-mana—
- (a) tanah beri milik;
  - (b) tanah di bawah lesen pendudukan sementara;
  - (c) tanah lombong; atau
  - (d) tanah rizab,

melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen pemindah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \*lima ratus ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun.

Namun, pada waktu ini hukuman yang dinyatakan di atas dilihat tidak mampu mengekang kegiatan pembalakan haram dengan berkesan. Penjenayah yang melakukan pembalakan haram sanggup mengambil risiko dengan meneruskan jenayah mereka dan mengambil kesempatan atas kelemahan atau kekangan pihak berkuasa.



Sebagai langkah masa panjang bagi menangani isu pembalakan haram, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melaksanakan pindaan terhadap Akta 313.

Pindaan itu jika diluluskan pada persidangan Parlimen di bulan Julai 2022 ini dijangka akan memantapkan pengurusan kawasan HSK.

Di samping itu, pindaan ini menzahirkan ketegasan Kerajaan Pusat secara serius dalam menangani jenayah ini dengan menyelaraskan pelbagai aspek pengurusan dan pemantauan berkenaan perhutanan.

Rajah 3: Rang Undang Undang Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (Sumber: Portal Parlimen Malaysia, 2022)

Rang Undang-Undang (RUU) pindaan 2022 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 3 Mac 2022 lalu. Urusan pindaan ini telah mengambil masa 13 tahun untuk dimuktamadkan dan akan dibawa ke Parlimen pada Julai 2022 ini untuk bacaan kali kedua.

Antara perkara penting diberi penekanan dalam pindaan Akta 313 adalah membanteras kegiatan pembalakan haram dengan meningkatkan kadar denda maksimum sehingga 10 kali ganda daripada RM500,000 kepada RM5 juta. Manakala hukuman penjara maksimum dinaikkan daripada tujuh hingga 20 tahun bagi kesalahan ini.

Dari segi aspek lain, tanggungjawab sebenar bagi menyelesaikan masalah ini tidak terletak di bahu Kerajaan Persekutuan semata-mata. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) hanya mampu menyelaraskan dan memperketatkan urusan kawalselia pengurusan perhutanan dengan meminda Akta Perhutanan 1984 sedia ada.

Namun, pihak pelaksana di peringkat Kerajaan Negeri sebenarnya perlu memainkan peranan yang lebih aktif memandangkan pengurusan hutan sebenarnya terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri seperti mana tertera di Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Selaras dengan pindaan akta ini yang akan berlangsung pada pertengahan tahun 2022, semua Kerajaan Negeri di Malaysia diharapkan menyambut usaha ini dengan melaksanakan pindaan pula di enakmen negeri masing-masing berkenaan pengurusan hutan. Bahkan, bagi memastikan urusan pemantauan dan penguatkuasaan secara fizikal berjalan lancar, modus operandi dan bilangan pegawai penguatkuasa di setiap Jabatan Perhutanan Negeri perlu dipertingkatkan selaras dengan kecanggihan dan kelicikan penjenayah yang terlibat dengan kegiatan pembalakan haram ini.

Kesinambungan usaha pemantapan pengurusan hutan yang dimulakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) ini akan tercapai dengan pelaksanaan bersepadu daripada semua agensi berkaitan dari masa ke masa.

Selain itu, program pemeriksaan integriti berkala perlu dilaksanakan di semua peringkat penguatkuasaan jabatan kerajaan yang berkaitan bagi memastikan tiada unsur penyelewengan berlaku. Sejak sekian lama, pembalakan haram sudah lama dikaitkan dengan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Sudah tiba masanya bagi pihak kerajaan Negeri masing-masing mengambil tindakan tegas terhadap petualang negara yang memilih kepentingan diri sendiri berbanding kepentingan negara.

## KESIMPULAN

Pindaan Akta Perhutanan 1984 ini sangatlah dialu-alukan memandangkan jelas kelihatan penjenayah dalam kegiatan pembalakan haram ini tidak takut dengan hukuman dan denda yang ditetapkan pada waktu ini. Kebanyakan daripada mereka mempunyai kemampuan kewangan dan sumber untuk menghadapi tindakan undang-undang jika disabitkan dengan kesalahan tersebut. Dengan penetapan hukuman dan denda yang lebih tinggi, amatlah diharapkan ia mewujudkan perasaan takut kepada semua pihak untuk melakukan jenayah alam sekitar ini.

Dengan pelbagai musibah dan bencana alam yang sentiasa muncul di negara kita, kepentingan hutan amat penting untuk dipelihara dalam memastikan populasi manusia dan hidupan lain di dalam ekosistem hutan tidak terjejas pada masa akan datang.

Dari sudut perspektif agama, Islam tidak melarang pembangunan dilakukan untuk kesinambungan kehidupan manusia sebagai khalifah di muka bumi milik Allah Taala ini. Namun, pembangunan ini seharusnya selaras dengan had atau garis panduan yang ditetapkan bagi mengelakkan wujudnya kerosakan alam sekitar. Selaku agama yang *syumul* atau menyeluruh, segala usaha pembangunan hendaklah dipandu dengan ilmu dan syariat yang telah ditetapkan agar umat Islam tidak tergolong dalam golongan mereka yang tamak.

## SUMBER RUJUKAN

- DUNYA, S. A. (2021). *Pihak berkuasa 'tutup mata' isu pembalakan haram, kata Mapim*. Sinar Harian.
- Nur Aqilah Azaldin, I. W. (2021). Orang Asli di Kawasan Lindungan: Kedudukannya dari Segi Perundangan. (2021) *29 JUUM*, 77.
- PRIMARY FOREST LOSS IN MALAYSIA. (2022). Retrieved from Global Forest Watch: <https://www.globalforestwatch.org/dashboards/country/MYS/?category=summary&location=WyJjb3VudHJ5liwiTVITII0%3D&map=eyJjZW50ZXliOmsibGF0IjoxLjU2NjQxMTQ1MDg5MjQwMTYsImxuZyI6MTAxLjcxMjI0MzE0Njc3NTk2fSwiem9vbSI6Mi43Njg1MDE1ODQwNjM0NzYslmNhbkJvdW5kljpmYWxzZSwi>
- Rahman, H. A. (2020). ISU-ISU PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN BERKAITAN HIDUPAN LIAR DI MALAYSIA . *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 6.
- Wan Adi Yusoff, M. J. (2015). KAJIAN PENEROKAAN TANAH DAN PERUBAHAN KUALITI AIR DI. *Malaysian Journal of Analytical Sciences, Vol 19 No 5 (2015): 951 - 959*, 3.



Sila petik karya ini seperti berikut :

Ahmad Khairul Ridhwan Mohamed Hanif, (2022, Mei 27). Pembalakan Haram : Sampai Bila Ia Akan Berleluasa? Perspektif, 9/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :

[www.tsis.my](http://www.tsis.my)



© Hak Cipta Terpelihara